

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

FEBRUARI 1998

RDB 314 - Pengurusan Rekabentuk

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **LIMA** soalan sahaja.

1. "Pengguna" adalah satu istilah yang luas. Soalan ini mengaitkan pengguna dengan produk yang dikeluarkan. Jika sebuah kerusi direkabentukkan untuk pelajar Rekabentuk Dalam PBP oleh Kuasamaju Sdn. Bhd. yang beroperasi di Bayan Lepas, bincangkan rantaian pengguna dalam proses pembangunan kerusi tersebut dari ide pertama hinggalah kepada pengguna terakhir iaitu pelajar Rekabentuk Dalam, PBP.

(20 markah)

2. Berikan penerangan ringkas terhadap konsep-konsep berikut:-

- (a) Tolakan Teknologi (*Technology Push*)
- (b) Tarikan Pasaran (*Market Pull*)
- (c) Spesifikasi Rekabentuk Produk (*Product Design Specification*)

(20 markah)

3. Tujuan utama Proses Pembangunan Produk dirancang dengan teliti untuk menentukan kejayaan dan mengelakkan kegagalan. Namun statistik menunjukkan 2/3 daripada produk yang dianggap berjaya dari segi teknikal, menemui kegagalan dalam pasaran. Bincangkan faktor-faktor kejayaan dan kegagalan, tumpukan perhatian kepada produk pengguna.

(20 markah)

- 2 -

4. Bagaimanakah Strategi Ujian Pasaran mengurangkan risiko dan menambahkan faedah-faedah yang dijangkakan.

(20 markah)

5. Bincangkan akan kriteria seorang pengurus yang kreatif berkomunikasi dengan setiap aras profesion dalam firmanya.

(20 markah)

6. Proses penjanaan ide merupakan aktiviti awalan yang amat penting dalam proses pembangunan produk. Bincangkan bagaimana sesuatu ide melalui proses-proses tertentu sehingga ide tersebut terpilih untuk diteruskan ke peringkat pembuatan.

(20 markah)

-ooo00ooo-